



## KENYATAAN MEDIA

### LAMAN AGRO-FOOD PERIKANAN: KREATIVITI PACU INDUSTRI PERIKANAN

**PUTRAJAYA, 11 OGOS 2022** - Sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) Tahun 2022, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah menyampaikan Anugerah Inovasi 2022 dan melancarkan Buku Rumah Baharu Pario dan di Laman Agro-Food Perikanan.

Dalam Majlis Penyampaian Anugerah Inovasi 2022 yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Sri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, beliau turut menyampaikan hadiah Jigsaw Puzzle dan Membina Model Tekun Tiruan serta melancarkan Buku Rumah Baharu Pario.

Pertandingan Anugerah Inovasi adalah bertujuan memberi pengiktirafan secara rasmi kepada warga Jabatan Perikanan Malaysia dan juga sektor swasta serta lain-lain badan yang telah berjaya menghasilkan projek inovasi dalam bidang perikanan. Inovasi ini boleh merangkumi apa-apa perubahan positif dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.

Pertandingan inovasi telah menerima 12 penyertaan. Tiga penyertaan bagi Kategori Teknikal (Kumpulan) dan sembilan penyertaan bagi Kategori Perikanan Terbuka (Kumpulan) iaitu Politeknik Jeli Kelantan, Politeknik Sandakan Sabah dan Kolej Vokasional Ampangan, Negeri Sembilan. Penciptaan terpilih ini akan dikomersialisasikan melalui pepadanan perniagaan dan program pembiayaan di bawah AgroBank.

Pemenang bagi Kategori Perikanan Terbuka adalah:

Anugerah	Tajuk	Nama Institut
Johan	Sistem Pengukuhan Kawalan Biosekuriti Perikanan (bioDOF-Map)	Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber dan Agensi Angkasa Malaysia
Naib Johan	Pengira Benih Ikan (PBI)	Politeknik Sandakan Sabah
Tempat Ketiga	Fish Scale Remover Machine FSR 4.0)	Kolej Vokasional Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan

Pemenang bagi Kategori Teknikal Kumpulan adalah:

<b>Anugerah</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Nama Institut</b>
Johan	pH Buffering Media Serta Penapis Biologi Daripada Sisa Pepejal Kulit Kerang	Institut Penyelidikan Perikanan Gelang Patah, Johor
Naib Johan	Sistem Menukar Air Ringkas dan Termudah (SMART)	Institut Penyelidikan Perikanan Glami Lemi, Negeri Sembilan
Tempat Ketiga	E.T.S (Easy Transport Sperm)	Institut Penyelidikan Perikanan Tanjung Demong, Terengganu

MAHA 2022 Bertemakan “Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan” atau “Food Security for the Future”, diadakan secara dwi-tahunan ini walaupun secara khusus adalah mengenai pertanian, hortikultur dan agro-pelancongan, ianya telah berkembang sehingga menjadi sebahagian dari landskap negara yang mempamerkan kemajuan serta pencapaian negara.

Sehubungan dengan itu, Buku Rumah Baharu Pario yang dikarang oleh Dr Kua Beng Chu, Pegawai Penyelidik Perikanan merupakan hasil kerjasama antara Jabatan Perikanan dengan Dewan Bahasa Pustaka. Buku ini menyasarkan pembaca di kalangan kanak-kanak bagi menyebarkan usaha-usaha pemeliharaan terumbu karang untuk menjaga 42 Taman Laut telah diwartakan sebagai Kawasan Perlindungan Marin di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Turut hadir ke majlis pada hari ini adalah Yang Berhormat Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 2, Yang Berbahagia Tuan Haji Mohd Sufian bin Sulaiman, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokeran, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustakaa, dan barisan pengurusan tertinggi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia  
Wisma Tani, Putrajaya

**11 Ogos 2022**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

012-664 9570 (Nur Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)